



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

SIARAN MEDIA

MAJLIS PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PKS KEBANGSAAN (MPUPK) BILANGAN 1 TAHUN 2021

Putrajaya, 30 April 2021- Kerajaan memandang serius masalah yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Justeru, Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Kecil Sederhana (MPUPK) akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif bagi membantu menyegerakan pemulihan PKS melibatkan semua pemegang taruh yang terlibat dalam ekosistem keusahawanan.

MPUPK yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin telah bermesyuarat di Putrajaya pada hari ini. MPUPK merupakan platform tertinggi di peringkat nasional yang turut dianggotai Menteri-menteri Persekutuan, Timbalan Ketua Menteri Sabah dan Sarawak, Ketua Setiausaha Negara dan Gabenor Bank Negara. MPUPK berperanan meluluskan dasar, strategi dan pelan tindakan berhubung pembangunan holistik usahawan dan PKS merentasi semua sektor ekonomi. Melalui MPUPK, penglibatan sektor swasta akan dipertingkatkan bagi menyokong agenda pembangunan keusahawanan negara yang berdaya saing dan mampan.

Pada mesyuarat berkenaan, YAB Perdana Menteri menekankan pentingnya semua pihak untuk mengambil tindakan proaktif dalam memastikan semua program dan inisiatif di bawah pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh Kerajaan dilaksanakan secara teratur dan mengikut jadual. Capaian program dan inisiatif pula perlu dipergiatkan ke seluruh pelosok negara bagi memastikan "*no one is left behind*". YAB Perdana Menteri yakin dengan kerjasama dan sokongan padu semua pihak, usahawan dan PKS tempatan akan mampu bangkit semula dan kekal kompetitif dalam mendepani cabaran yang mendatang.

Sumbangan PKS terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) merekodkan pencapaian sebanyak 38.9% pada tahun 2019 dan dianggarkan kekal di antara 38.1% hingga 38.7% pada tahun 2020. Sumbangan eksport bagi Barangan dan Perkhidmatan PKS adalah 17.9% manakala sumbangan kepada guna tenaga di

Malaysia sebanyak 48.4%. Namun, prestasi eksport PKS dianggar menurun kepada 13.4% pada tahun 2020, susulan impak negatif pandemik Covid-19 ke atas usahawan dan PKS tempatan.

MPUPK turut memberi penelitian terhadap prestasi dan prospek ekonomi Malaysia serta isu dan cabaran yang dihadapi bagi tahun 2021. Dalam hal ini, Majlis turut menekankan supaya aktiviti dan ekosistem pembiayaan perniagaan dari sektor kewangan perlu lebih kondusif bagi menyokong pemulihan ekonomi negara.

Pada tahun 2020, institusi kewangan telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM257 billion kepada PKS, termasuk pinjaman di bawah Dana Khas Bank Negara Malaysia untuk PKS. Daripada jumlah tersebut RM67 billion adalah merupakan pinjaman yang baru pertama kali diluluskan kepada lebih 146,000 PKS. Ini adalah selaras dengan permintaan pinjaman yang meningkat untuk modal kerja dalam persekitaran yang mencabar pada ketika negara menghadapi pandemik Covid-19.

Usaha pemulihan juga akan ditumpukan kepada usahawan mikro dan informal yang terjejas di seluruh negara. Berdasarkan kaji selidik yang dilaksanakan oleh MEDAC baru-baru ini, sebanyak 52.7% usahawan yang majoritinya adalah perusahaan mikro dan informal, terjejas teruk sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0. Menteri Pembangunan Usahawan dipetik sebagai berkata, Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri pada masa ini menumpukan pelbagai usaha pemulihan ekonomi bermula daripada peringkat akar umbi. Menyahut seruan ini, MEDAC akan membangunkan Pelan Usahawan Informal sebagai rangka tindakan untuk mentransformasi dan mendayaupaya usahawan informal termasuk mereka yang berada di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Selain itu, dasar dan peraturan yang mesra perniagaan perlu diutamakan supaya ianya selari dengan usaha Kerajaan untuk memulihkan operasi perniagaan usahawan. Di samping itu, usahawan juga perlu bersedia untuk mengadaptasi teknologi dan digitalisasi supaya dapat kekal relevan dan kompetitif dalam menangani cabaran di masa hadapan.

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI